



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM 87/A2/14-4/7 Jld. 2 (73)
Tarikh : 5 MEI 2020

Pengendali
Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta (RJKS)
Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta (RJKPS)

Tuan/Puan,

**PENGOPERASIAN RUMAH JAGAAN KEJURURAWATAN SWASTA (RJKS)
DAN RUMAH JAGAAN KEJURURAWATAN PSIKIATRI SWASTA (RJKPS)
BAGI MENCEGAH PENULARAN COVID-19**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti yang dimaklumi, RJKS dan RJKPS yang memberikan perkhidmatan penjagaan kejururawatan turut terkesan dengan situasi pandemik COVID-19. Sekiranya, terdapat kes positif COVID-19 di kemudahan jagaan kesihatan tersebut sama ada melibatkan pesakit atau staf, boleh menjejaskan operasi RJKS dan RJKPS dan kesinambungan penjagaan pesakit tersebut. Malah, pesakit di RJKS dan RJKPS boleh dikategorikan sebagai kumpulan berisiko tinggi, di mana jangkitan COVID-19 ini boleh menyebabkan implikasi yang serius termasuk kematian.
3. Oleh itu, langkah pencegahan termasuk saringan serta sekatan kepada pelawat di semua RJKS dan RJKPS adalah penting untuk mencegah penularan jangkitan COVID-19 ini dan seterusnya mengelakkan beban tinggi kepada kemudahan jagaan kesihatan tersebut apabila dijangkiti COVID-19.
4. Susulan itu, setiap RJKS dan RJKPS mestilah mematuhi Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 bertarikh 25 Mac 2020 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang www.moh.gov.my, khususnya **Annex 21: Management of Healthcare Worker (HCW) During COVID-19 Pandemic** serta garis panduan dan *Standard Operating Procedure* terkini (**dilampirkan**) yang dikemaskini dari semasa ke semasa.
5. Selain itu, garis panduan "*Care Of Older Persons In Residential Aged Care Facilities And In The Community During COVID-19 Pandemic*" (**dilampirkan**) yang boleh dimuat turun dari laman sesawang <http://medicalprac.moh.gov.my>, boleh dijadikan rujukan.


..2/-

6. Sehubungan itu, perhatian dan tindakan segera pihak tuan/puan bagi memastikan keselamatan dan kesinambungan penjagaan pesakit amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HAJI. ROHAIZAT BIN HJ YON) (MMC: 26029)

~~Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)~~

~~Kementerian Kesihatan Malaysia~~

~~b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia~~

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Timbalan Menteri Kesihatan I

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Timbalan Menteri Kesihatan II

Dr. Yau Weng Keong
Ketua Perkhidmatan Geriatrik
Pakar Perunding Perubatan (Geriatrik) di Jabatan Perubatan
Hospital Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
Kementerian Kesihatan Malaysia